

Artikel Penyelidikan

# Menyelusuri Perjalanan Hidup Ketua Wanita UMNO Kampung Padang Jawa.

Adila Ahmad Sukeri<sup>1</sup>, Nur Alia Mohd Nizam<sup>2</sup>, Jannatul Iza Ahmad Kamal<sup>3</sup>, dan Jafalizan Md Jali<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [adilasukeri24@gmail.com](mailto:adilasukeri24@gmail.com);

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [aliananizam8@gmail.com](mailto:aliananizam8@gmail.com);

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jannatul406@uitm.edu.my](mailto:jannatul406@uitm.edu.my);  0000-0001-6476-8519

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my);  0009-0009-7236-9863

\* Correspondence: [jannatul406@uitm.edu.my](mailto:jannatul406@uitm.edu.my); +60132555561.

**Abstrak:** Kajian ini adalah berkaitan dengan sejarah dan pencapaian Puan Rusni binti Zakaria, Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Padang Jawa. Beliau telah dibesarkan di kampung tersebut dan kemudian mula mengikuti jejak langkah ibunya dalam bidang politik. Puan Rusni telah memberikan sumbangan besar dalam bidang politik dan kepimpinan wanita di peringkat komuniti. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah sejarah lisan, kajian ini melibatkan temubual bersama Puan Rusni binti Zakaria dan Puan Sasaliza binti Mohd Sirin. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendalami sejarah latar belakang Puan Rusni, serta mengenal pasti pencapaian, sumbangan, dan cabaran yang dihadapinya sebagai Ketua Wanita UMNO. Dengan dokumentasi yang terperinci dan pendedahan yang lebih luas, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna dalam bidang kepimpinan wanita di Malaysia dan menyokong usaha dokumentasi sejarah lisan yang masih kurang mendapat perhatian, khususnya mengenai peranan wanita dalam kepimpinan.

Kata kunci: Ketua Wanita, UMNO, Politik, Kepimpinan, Kampung Padang Jawa.

DOI: 10.5281/zenodo.13977249



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Menurut Donald A. Ritchie (2003), sejarah lisan boleh ditakrifkan sebagai proses mengumpulkan pengalaman yang mempunyai nilai sejarah, yang direkodkan melalui sesi wawancara. Dokumentasi sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang belum pernah direkodkan sebelum ini dan merupakan bukti pengalaman atau memori kepada beberapa peristiwa yang bersejarah. Justeru itu, dengan wujudnya sejarah lisan ini, sedikit sebanyak dapat mempertambahkan koleksi rekod daripada individu yang pernah terlibat atau berpengalaman terhadap beberapa sejarah penting atau yang memberi impak kepada negara

Sejarah penulisan lisan merujuk kepada pengumpulan, pemeliharaan, dan kajian kisah-kisah, pengalaman, dan pengetahuan yang disampaikan melalui cara lisan dari satu generasi ke generasi

yang lain. Penulisan lisan berfungsi sebagai medium penting untuk memahami budaya, tradisi, dan sejarah sesuatu komuniti atau masyarakat. Maka dengan adanya sejarah lisan dapat membantu beberapa bidang terutamanya bahagian pendidikan untuk mendapatkan sumber maklumat sebagai bahan rujukan.

Pelbagai subjek seperti ekonomi, pendidikan, sejarah, dan politik telah didokumentasikan melalui penulisan sejarah lisan. Walau bagaimanapun, dokumentasi dalam bidang politik masih agak terhad. Salah satu sebab utama kekurangan ini adalah kerana penulisan sejarah lisan lebih banyak memfokuskan kepada aspek sosial dan budaya, seperti cerita rakyat dan tradisi lisan, yang sering dianggap lebih relevan dan mudah diakses oleh masyarakat. Akibatnya, bidang politik, yang melibatkan isu-isu yang lebih formal dan kompleks, sering terlepas pandang. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan lebih perhatian kepada penulisan sejarah lisan dalam bidang politik, agar pengalaman dan pandangan berharga dari tokoh-tokoh kepimpinan ini dapat dirakam dan dipelihara untuk generasi akan datang.

Politik adalah proses membuat keputusan yang melibatkan masyarakat, termasuk aktiviti, tindakan, dan dasar yang digunakan untuk memperoleh dan menggunakan kuasa dalam pemerintahan atau organisasi (Heywood, 2013). Di Malaysia, politik melibatkan pelbagai aspek termasuk pembangunan ekonomi, isu etnik, dan dasar awam. Sistem politik yang menggabungkan elemen-elemen demokrasi berparlimen dan monarki berperlembagaan telah membentuk landskap politik yang unik (Case, 2004). Di Malaysia, terdapat banyak parti politik yang masih aktif, seperti Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan, Perikatan Nasional, Gabungan Parti Sarawak, dan lain-lain. Barisan Nasional (BN) merupakan gabungan parti politik utama yang telah memerintah Malaysia sejak kemerdekaan pada tahun 1957 hingga 2018. Gabungan ini terdiri daripada parti-parti seperti UMNO, MCA, dan MIC. Dalam struktur UMNO, ketua parti memainkan peranan penting dalam memimpin dan menentukan arah dasar parti, manakala sayap-sayap seperti Pemuda UMNO, Wanita UMNO, dan Puteri UMNO mewakili golongan muda, wanita, dan generasi baru dalam parti. BN juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara dan pengurusan isu-isu etnik melalui dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru, yang disokong oleh struktur kepimpinan yang melibatkan gabungan parti-parti etnik (Kamal, 2015).

Kajian ini memfokuskan kepada Puan Rusni binti Zakaria, seorang bekas Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Padang Jawa. Puan Rusni telah menceburi bidang politik sejak usia muda dan memegang jawatan Ketua Wanita dari tahun 2018 hingga 2023. Dalam tempoh lima tahun perkhidmatan beliau, Puan Rusni telah membawa banyak pembaharuan dan memberikan sumbangan besar kepada penduduk setempat, terutamanya dalam memperkasakan golongan wanita dan mengukuhkan kedudukan UMNO di Kampung Padang Jawa. Kepimpinan beliau yang berwibawa dan dedikasi tinggi menjadikan beliau seorang pemimpin yang dihormati dan disegani. Selain itu, Puan Rusni juga aktif menjalin hubungan dengan organisasi wanita lain seperti *Women Institute* dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di peringkat negeri dan kebangsaan, selain memperluaskan pengaruh UMNO di kalangan wanita. Melalui pengalaman dan kepimpinannya, Puan Rusni terus berusaha membawa perubahan positif dan memperjuangkan hak serta kepentingan wanita dalam masyarakat.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun terdapat peningkatan dalam penyertaan wanita dalam pelbagai bidang kepimpinan, pencapaian dan sumbangan mereka sering kali kurang dikenali dan dihargai oleh masyarakat umum. Hal ini disebabkan oleh kurangnya dokumentasi dan pendedahan mengenai pengalaman wanita dalam peranan kepimpinan, yang menyebabkan kejayaan mereka tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Masalah ini lebih ketara dalam konteks komuniti dan organisasi tempatan di mana peranan wanita dalam kepimpinan tidak mendapat liputan yang mencukupi.

Kekurangan maklumat yang terperinci dan akses kepada sejarah lisan mengenai pengalaman dan pencapaian wanita dalam kepimpinan menjadikan mereka kurang dikenali, dan sumbangan mereka tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberi inspirasi dan motivasi kepada wanita lain. Kesannya, ramai wanita yang berjaya dan memberi impak positif dalam peranan kepimpinan kekal berada di belakang, tanpa penghargaan atau pengiktirafan yang sepatutnya.

Kajian ini bertujuan untuk mengatasi kekurangan ini dengan mendokumentasikan pencapaian, sumbangan, dan cabaran yang dihadapi oleh Puan Rusni binti Zakaria, seorang bekas Ketua Wanita UMNO dalam peranan kepimpinan beliau, terutamanya di Kampung Padang Jawa. Diiringi dengan cabaran yg diatasi, memberi penyelidik pemahaman tentang cara dan langkah bagaimana beliau dapat menangani tekanan politik, krisis kepimpinan, dan kesan atas tindakan beliau terhadap masyarakat. Jadi, dengan kajian yang dilakukan, penyelidik dapat mendokumentasikan pengalaman dan strategi kepimpinan beliau sepanjang beliau menjadi Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa untuk rujukan bagi penyelidik lain pada masa akan datang.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik:

- i. Mengkaji dan mendokumentasikan latar belakang hidup Puan Rusni, dari zaman kanak-kanaknya di Kampung Padang Jawa hingga perjalanannya menjadi seorang pemimpin yang disegani.
- ii. Mengetengahkan pencapaian dan sumbangan Puan Rusni dalam bidang politik, terutamanya peranan beliau sebagai Ketua Wanita UMNO.
- iii. Meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Puan Rusni sepanjang penglibatannya dalam politik.

## 4. PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan kajian yang ingin dijawab dalam kajian:

- i. Apakah sejarah latar belakang Puan Rusni sebagai Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa?
- ii. Apakah pencapaian utama dan sumbangan yang telah diberikan oleh Puan Rusni dalam bidang politik, khususnya sebagai Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa?
- iii. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh Puan Rusni sepanjang penglibatannya dalam politik?

## 5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Berdasarkan temubual yang dilakukan bersama Puan Rusni binti Zakaria, terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan yang dapat dikongsikan kepada generasi-generasi akan datang. Kajian ini dapat menghasilkan sumber sejarah mengenai bidang politik. Hal ini kerana kaedah sejarah lisan digunakan bagi mengkaji latar belakang, pencapaian dan sumbangan, serta cabaran hidup yang dilalui oleh tokoh sepanjang menceburi bidang politik. Sejarah lisan merupakan rakaman audio wawancara mengenai peristiwa yang dialami oleh pencerita. Oleh itu, kandungan rakaman audio tersebut terdiri daripada perbualan antara pewawancara dan pencerita (A.Gazali Usman, 1983). Pewawancara boleh mengajukan soalan-soalan yang belum terjawab daripada sumber lain, sekali gus mendokumentasikan maklumat yang mungkin terlepas pandang atau terlupa ditanya. Oleh itu, lebih banyak maklumat yang dapat dirungkai dan dijadikan rujukan untuk generasi akan datang.

Melalui penceritaan yang dikongsikan, kajian ini juga boleh memberikan inspirasi kepada ramai wanita dalam mencapai dan mengekalkan peranan kepimpinan politik, serta impak terhadap dasar dan pembangunan masyarakat. Kepimpinan tokoh telah membuka jalan bagi lebih ramai wanita untuk terlibat dalam bidang kepimpinan dan politik. Kejayaan dan dedikasi tokoh dalam memperjuangkan hak dan kepentingan wanita menunjukkan bahawa wanita boleh mencapai kejayaan yang sama seperti lelaki dalam bidang politik dan kepimpinan.

Di samping itu, antara kepentingan kajian adalah kepada pembangunan komuniti. Tokoh telah memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti di Kampung Padang Jawa dengan memperjuangkan pelbagai inisiatif sebagai Ketua Wanita UMNO. Usaha beliau bertujuan meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial penduduk setempat melalui program pendidikan, latihan kemahiran, dan bantuan kewangan yang khususnya membantu golongan wanita dan beliau untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Antaranya termasuk program pendidikan yang menyediakan akses kepada pembelajaran dan latihan kemahiran untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing individu.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Creswell (2014), tinjauan literatur adalah proses mengumpul, membaca, menilai, dan menganalisis hasil-hasil penyelidikan yang telah diterbitkan dalam bidang-bidang tertentu untuk memahami perkembangan semasa, mengenal pasti jurang pengetahuan, dan menetapkan rangka teori bagi kajian baru.

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, politik merujuk kepada beberapa aspek utama yang melibatkan pemerintahan dan hubungan antara negara, strategi, dan kegiatan parti politik. Politik melibatkan beberapa aspek utama iaitu, pengetahuan mengenai cara pemerintahan, dasar-dasar pemerintahan, ilmu mentadbir dan mengurus, serta ilmu kenegaraan. Berpolitik bermaksud mengambil bahagian atau menjalankan politik, manakala mempolitikkan merujuk kepada memasukkan atau menjadikan sesuatu sebagai urusan politik. Kepolitikan adalah perihal politik, semengerta mempolitikkan adalah perbuatan mempolitikkan sesuatu perkara atau isu.

Di Malaysia, politik merujuk kepada proses dan kegiatan yang berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran negara, yang merangkumi kuasa diperolehi, digunakan, dan disalurkan dalam struktur atau organisasi kerajaan (Mohamed, 2008). Politik juga melibatkan interaksi antara pelbagai

parti politik, institusi kerajaan, dan masyarakat dalam menentukan dasar-dasar awam dalam membuat keputusan yang mempengaruhi negara dan rakyatnya (Funston, 2001).

Politik merupakan satu perkara asas yang wajib diketahui oleh seluruh rakyat di Malaysia. Politik baharu merupakan satu bentuk perubahan yang baru berlaku dalam sesebuah negara. Di Malaysia, terdapat sepuluh barisan politik utama, antaranya adalah Barisan Nasional, Pakatan Harapan, Perikatan Nasional, Gabungan Parti Sarawak, Gabungan Rakyat Sabah, Parti Warisan Sabah, Parti Pejuang Tanah Air, parti Ikatan Demokratik Malaysia, Parti Sosialis Malaysia, dan parti Rakyat Malaysia (UMNO Online, 2020)

Barisan Nasional telah ditubuhkan pada tahun 1973 bagi menggantikan Perikatan yang pada mulanya merupakan gabungan parti politik yang memerintah Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957. Barisan Nasional adalah sebuah gabungan parti politik di Malaysia yang terdiri daripada beberapa parti komponen yang mewakili pelbagai kaum dan etnik yang terdapat di negara ini. Kewujudan dan penubuhan parti politik ini bertujuan untuk memperluas gabungannya dan membawa parti-parti lain untuk serta dalam koalisi atau gabungan mereka untuk mencerminkan kepelbagaian etnik dan politik di negara berbilang kaum ini (UMNO Online, 2020).

Barisan Nasional ini terbahagi kepada empat komponen utama iaitu, UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, MCA yang dikenali sebagai Persatuan Cina Malaysia, MIC atau nama lainnya Kongres India Malaysia, dan Parti-parti Komponen lain dari Sabah dan Sarawak seperti Parti Bersatu Sabah atau PBS dari Sabah dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu atau PBB dari Sarawak. Terdapat beberapa lagi parti yang mewakili pelbagai etnik dan kaum di Malaysia Timur. Mereka telah membina pelbagai strategi pembaharuan dan bekerjasama dengan gabungan parti lain untuk kekal kukuh dalam politik Malaysia. Kini, UMNO memainkan peranan penting sebagai sebahagian daripada kerajaan gabungan di bawah kepimpinan Perikatan Nasional. Barisan Nasional adalah salah sebuah parti yang bertahan lama di Malaysia (UMNO Online, 2020). Kebanyakan Presidennya menjadi pemimpin atau Perdana Menteri di Malaysia sewaktu Barisan Nasional memenangi pilihan raya umum. Antara pemimpin terkenal barisan ini adalah Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, dan ramai lagi.

UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu adalah parti politik terbesar dalam Barisan Nasional dan politik Malaysia. Parti ini telah ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 oleh Dato' Onn Jaafar (UMNO Online, 2020). Pada mulanya, penubuhan ini bertujuan untuk menentang penubuhan Malayan Union yang ditubuh oleh pihak British yang dianggap mengancam kedaulatan dan hak-hak orang Melayu (Malayan Union Dan Persekutuan 1948, n.d.). Namun, seiring dengan berlalunya masa, peranan dan objektif penubuhan ini telah berkembang dengan efektif. Penubuhan ini tidak hanya fokus terhadap penentangan Malayan Union semata-mata, tetapi mengambil inisiatif dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu serta mempromosikan pembangunan sosio-ekonomi dan politik orang Melayu. Terdapat beberapa komponen yang memainkan peranan penting dalam parti UMNO seperti Wanita UMNO, Pemuda UMNO, Puteri UMNO, dan Veteran UMNO.

Parti politik ini juga telah memainkan peranan penting dalam memperkuat kedudukan wanita dalam politik antaranya, dengan menubuhkan Wanita UMNO pada 25 Ogos 1949 di Butterworth, Pulau Pinang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Penubuhan Wanita UMNO sememangnya tidak terlepas dari perjuangan tokoh-tokoh wanita yang dikenali sebagai 'Kaum Ibu' dalam Kongres Pan Malayan Malay yang pertama. Sejarah ini tercipta pada tarikh 1 Mac 1946. 'Kaum Ibu' ini terdiri

daripada Zahara tamin, Kamsiah Ibrahim, dan Siti Noraini Jenin. 'Kaum Ibu' atau dikenali sebagai Pergerakan Kaum Ibu merupakan bahagian dalam Wanita UMNO (Fatimi H., 2017).

Menurut kajian lepas "Penglibatan Wanita Melayu dalam Pilihan Raya di Malaysia, 1999 hingga 2008" oleh Fatimi Hanif (2017), pada mulanya, pergerakan Wanita UMNO dinamakan sebagai Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Pergerakan ini menukar nama kerana istilah 'wanita' lebih sesuai digunakan untuk menggambarkan perempuan dari setiap peringkat umur. Sebahagian besar ahli Pergerakan Kaum Ibu terdiri daripada suri rumah, wanita muda, dan sebagainya.

Bagi Wanita UMNO, ia merupakan sayap wanita bagi UMNO sendiri dan memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan hak dan kepentingan golongan wanita dalam politik dan masyarakat di Malaysia. Komponen penting ini telah ditubuhkan pada tahun 1949 oleh Tan Sri Aishah ghani yang merupakan salah seorang pemimpin awal yang memainkan peranan penting dalam penubuhan dan perkembangan Wanita UMNO. Di dalam Wanita UMNO, terdapat tiga struktur organisasi yang memainkan peranan penting iaitu, Ketua Wanita, Timbalan Ketua Wanita, dan Ahli Jawatankuasa.

Bagi jawatan Ketua Wanita, ia ditugaskan untuk memimpin ahli Wanita UMNO mengikut peringkat atau hierarki organisasi parti yang terdiri daripada peringkat nasional, negeri, bahagian, dan cawangan. Di Kampung Padang Jawa, Puan Rusni binti Zakaria pernah bertugas dan menjadi pemimpin bagi sayap Wanita UMNO, yang meliputi kawasan kecil seperti kampung yang terletak di daerah Klang ini. Beliau bertugas dalam melaksanakan program dan aktiviti tempatan, mengatur aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan, dan sebagainya.

### ***Hasil Carian Sumber Pelbagai***

Bagi mendalami topik penyelidikan dengan lebih menyeluruh, penyelidik menggunakan pelbagai sumber untuk mengumpulkan data dan maklumat yang meluas. Penggunaan sumber-sumber dari *platform* tertentu seperti kajian penyelidikan lepas, laporan kajian, artikel dan jurnal akademik serta keratan akhbar, membantu penyelidik dalam memperoleh pengetahuan dan rincian yang mendalam mengenai topik berkaitan bidang politik. Melalui pemerhatian penyelidik, sumber-sumber yang digunakan memberi kaedah dan dapatan yang berbeza-beza. Hal ini membantu penyelidik dalam mendalami relevansi dari setiap sumber yang digunakan dengan lebih meluas. Melalui hasil carian dari pelbagai sumber, penyelidik dapat memberi pandangan dan membuat kesimpulan yang seimbang dengan topik kajian.

#### **a) Kajian Penyelidikan Lepas**

Salah satu kajian lepas yang membantu dalam penyelidikan ini ialah sebuah buku yang bertajuk "*A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*" yang diterbitkan pada tahun 2011 oleh MPH Group Publishing. Buku ini mengetengahkan autobiografi yang mendalam dan komprehensif berkaitan Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang kerjaya beliau dalam bidang politik. Buku ini menceritakan perjalanan hidup dan kerjayanya, dari zaman kanak-kanak hingga beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat dan ketujuh. Buku ini merangkumi pengalaman politik dan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh beliau seperti Dasar Pandang ke Timur, serta cabaran yang dihadapi, salah satunya adalah Krisis Kewangan Asia 1997. Buku ini juga menyentuh tentang

hubungan natarabangsa dan isu-isu kontroversi berkaitan ahli politik pada zaman pemerintahannya. Tun Mahathir turut berkongsi tentang kisah kepulangan beliau dalam arena politik di Pilihan Raya Umum Malaysia pada tahun 2018. Melalui buku ini, penyelidik dapat memperkayakan pemahaman mengenai sejarah politik Malaysia. Ia juga dapat menjadi rujukan berkaitan konsep dan evolusi politik bagi kajian yang dibuat.

Selain itu, kajian penyelidikan lepas telah membantu penyelidik memahami landskap pengetahuan sedia ada dalam politik Wanita UMNO dengan memberikan asas teori dan analisis kritikal. Dalam kajian-kajian terdahulu, penyelidik mendapati bahawa kajian-kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mengkaji pengalaman individu dalam kepimpinan wanita. Kaedah tersebut justeru terbukti berkesan sebagai pilihan yang berpotensi bagi mendapatkan wawasan yang lebih mendalam mengenai topik yang dikaji. Sebagai contoh, kajian “Tan Sri Dr. Hajjah Aishah Ghani: Penggerak Kemajuan Wanita UMNO” oleh Arba’iyah Mohd Noor membantu mengenal pasti tujuan kajian berkaitan Ketua Wanita UMNO. Selain itu, kajian “Wanita dan Politik Pilihan Raya Menurut Perspektif Al-Quran”, yang ditulis oleh Dr. Mohd Roslan Mohd Nor dan Siti Zafrina membincangkan peranan wanita dalam politik dari perspektif atau pandangan Islam, serta membantu penyelidik memahami cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam politik. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kaedah temubual merupakan kaedah efektif yang digunakan dalam kajian-kajian ini. Hal ini kerana kaedah ini sangat berkesan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat berkaitan pengalaman individu dalam kepimpinan wanita. Kaedah ini dapat diterapkan dalam kajian untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada tokoh.

b) *Google*

Selain itu, *Google* juga membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat berkaitan bidang politik yang diceburi oleh Puan Rusni. Berdasarkan carian platform ini, terdapat 1 730 000 keputusan berkaitan Wanita UMNO yang merangkumi artikel, *blog* dan sebagainya. Tetapi, kesemua carian ini tidak melibatkan kajian berkaitan penyelidikan yang dijalankan. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada penyelidik untuk menyelidik maklumat lebih mendalam. Sungguhpun begitu, penyelidik menggunakan platform ini untuk mencari bahan-bahan yang dapat membantu dalam penulisan sejarah lisan ini. Sebagai contoh, terdapat sebuah transkrip wawancara berkaitan William Lawrence bagi program “*Politics - '62*” yang membincangkan pandangan dan perspektif sejarah politik, keputusan dalam politik serta isu-isu politik dan sosial di Amerika Syarikat (*Transcript of Interview With William Lawrence Recorded for the Program “Politics - '62” | the American Presidency Project, 1962*). Penyelidik menggunakan carian ini untuk memperoleh pandangan secara langsung daripada seorang ahli politik yang berpengaruh untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Maklumat ini membantu penyelidik dalam memperkaya pemahaman tentang bagaimana politik dan keputusan sejarah dibentuk bagi mengisi jurang yang mungkin tidak ditangkap sepenuhnya dalam penyelidikan yang dijalankan.

c) *Youtube*

Bagi platform *Youtube* pula, penyelidik menggunakan platform ini untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang dapat memberi idea dan inspirasi dalam kajian penyelidikan. Salah satu video yang menarik perhatian penyelidik adalah dokumentari yang bertajuk “James Baker: President-Maker (US President Documentary)” yang telah dimuat naik oleh saluran *Youtube, Real Stories* merupakan sebuah dokumentari yang membahas tentang peranan penting James A. Baker III dalam politik

Amerika Syarikat (Real Stories, 2020). Dokumentari ini menayangkan tentang gambaran kehidupan dan kerjaya politik James A. Baker III dan bagaimana beliau membantu dalam proses pemilihan antara tiga presiden Amerika Syarikat iaitu, Ronald Reagan, George H. W. Bush, dan George W. Bush. Beliau juga menceritakan tentang di sebalik tabir mengenai kuasa, pujukan, dan diplomasi di peringkat tertinggi melalui perspektif tokoh-tokoh penting yang pernah bekerjasama dengan beliau serta beberapa isu lain berkaitan pandangan beliau tentang Kongres dan diplomasi di Amerika Syarikat. Melalui dokumentari ini, penyelidik dapat memanfaatkannya untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang bagaimana keputusan politik dibuat, bagaimana strategi kempen dirancang, dan bagaimana kerjasama antara pihak-pihak tertentu dapat mempengaruhi hasil politik. Penyelidik dapat mengumpul data dan maklumat yang lebih meluas serta konteks yang lebih komprehensif mengenai politik dan kepimpinan di peringkat tertinggi yang membantu kajian yang dilaksanakan.

#### d) Keratan Akhbar

Melalui hasil carian bagi sumber keratan akhbar, penyelidik mendapati bahawa terdapat sebanyak 2220 keputusan berkaitan Ketua Wanita UMNO. Hasil carian ini memaparkan pelbagai artikel berita terkini yang berkaitan dengan topik kajian. Ini termasuk perkembangan terkini, aktiviti politik, kenyataan media, serta isu-isu yang melibatkan pergerakan tersebut. Melalui keratan akhbar, penyelidik dapat mengetahui pelbagai perspektif dari sumber berita berkaitan bidang politik dan Wanita UMNO. Salah satunya adalah “Perhimpunan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia” yang dipetik dari laman web rasmi UMNO Malaysia. Di dalam blog tersebut terdapat berita-berita dan informasi terkini yang dilampirkan secara *online*. Hal ini membantu penyelidik dan orang luar untuk mengetahui aktiviti yang dijalankan oleh pergerakan Wanita UMNO ini.

## 7. METODOLOGI

Metodologi adalah kajian tentang kaedah yang digunakan dalam penyelidikan dan penilaian. Ini termasuk analisis kritis terhadap kaedah yang digunakan (Creswell, 2014). Ia merangkumi pendekatan, strategi, dan alat yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi mencapai matlamat penyelidikan (Bryman, 2012). Metodologi yang digunakan dalam kajian sejarah lisan membolehkan penyelidik untuk mengumpul dan menganalisis data secara sistematik berkaitan maklumat daripada individu yang terlibat secara langsung (Susan L. Smith, 2016).

Kebiasaannya, sumber metodologi dibahagi kepada dua bahagian, iaitu sumber primer dan sumber sekunder (Arba'iyah & Universiti Malaya, 2000). Menurut Arba'iyah melalui penulisannya, beliau menyatakan bahawa sumber primer merujuk kepada sumber yang biasanya dalam keadaan asli atau belum ditafsir dan diperlengkapkan lagi. Contohnya seperti surat-surat yang rasmi atau tidak rasmi, catatan, temubual dan wawancara dan sebagainya. Sumber primer menjadi sumber utama dan asas kerana ia merupakan sumber asal atau bahan pertama yang mencatatkan sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Manakala, bagi sumber sekunder pula, ia diibaratkan tulisan atau buku yang ditulis oleh pengkaji sejarah mengenai seseorang tokoh dan peristiwa. Contoh bagi sumber sekunder ialah buku, artikel, surat khabar, dan sebagainya.

Dalam mendapatkan maklumat bagi kajian sejarah lisan ini, penyelidik menggunakan sumber primer. Sumber primer adalah bukti asli yang dihasilkan semasa sesuatu peristiwa yang dikaji berlaku. Ia memberikan maklumat langsung daripada individu yang terlibat atau yang menyaksikan sesuatu

peristiwa tersebut (Louis O. Mink, 1987). Temubual merupakan salah satu bentuk sumber primer dalam penyelidikan ini. Penyelidik menggunakan sesi temubual bagi mendapatkan penjelasan yang lebih komprehensif dan mudah difahami. Terdapat dua sesi temubual yang telah dilaksanakan iaitu, sesi pra temubual dan temubual sebenar. Untuk sesi pra temubual, ianya bertujuan untuk mengenali diri tokoh, membincangkan topik kajian, dan mewujudkan keserasian yang positif antara penyelidik dan tokoh sendiri. Ketika sesi pra temubual, penyelidik memperoleh inspirasi dan idea untuk membina soalan secara strategik berkaitan penglibatan tokoh dalam bidang politik yang akan diajukan semasa sesi temubual sebenar.

Bagi sesi temubual sebenar pula, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk merekod dan mendokumentasikan segala maklumat yang diberikan oleh tokoh. Sesi temubual sebenar ini telah dijalankan selama dua jam bersama Puan Rusni, yang merupakan seorang Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa. Temubual ini dijalankan di rumah kediaman adik beliau yang terletak di Jalan Mat Raji, Kampung Padang Jawa, Klang, Selangor. Penyelidik menggunakan beberapa alat perakam seperti telefon pintar dan tablet untuk merakam dan merekod sesi temubual sebenar tersebut. Penyelidik menggunakan peluang ini dengan mengemukakan soalan kepada tokoh berdasarkan objektif kajian. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mendokumentasikan pengalaman, pencapaian dan cabaran beliau sepanjang menjadi Ketua Wanita UMNO dari tahun 2018 hingga tahun 2023. Hal ini juga bertujuan untuk mentranskripsikan temubual tersebut ke dalam bentuk bertulis atau teks bagi memenuhi tugas ini.

Di samping itu, penyelidik juga menemubual Puan Sasaliza binti Mohd Sirin melalui aplikasi *Google Meet* bagi mengetahui maklumat yang lebih mendalam berkaitan Puan Rusni. Antara fokus soalan yang dikemukakan adalah keperibadian beliau, cara beliau melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah. Melalui temubual ini, penyelidik dapat mengumpul maklumat tambahan dengan lebih terperinci berkaitan Puan Rusni dalam kajian ini.

Seterusnya, penyelidik juga menggunakan sumber sekunder untuk mencari lebih banyak maklumat mengenai bidang politik. Sumber sekunder ini merujuk kepada buku, artikel jurnal dan sebagainya (Smith, J. A, 2020.). Untuk mengumpulkan data dan maklumat berkaitan bidang politik seperti sejarah penubuhan Wanita UMNO, penyelidik telah merujuk beberapa buku, artikel jurnal serta laman sesawang yang menyediakan bahan bacaan seperti Portal Rasmi *Online Finding Aids eJournal*, akhbar *online* dan sebagainya.

Arkib Negara Malaysia menjadi salah satu sumber sedia ada yang memastikan kesahihan topik penyelidikan berkaitan bidang politik ini. Sumber dari *Online Finding Aids* atau OFA yang disediakan oleh Arkib Negara Malaysia memberikan akses kepada koleksi dokumen-dokumen penting dan bersejarah berkaitan bidang politik. Dalam carian OFA, penyelidik menemukan sebanyak 723 keputusan berkaitan Wanita UMNO (Online Finding Aids - Kandungan Bahan, n.d.). Keputusan carian ini terdiri dari dokumen, imej, audio, video, dan artifak. Maklumat dari sumber ini telah menyediakan konteks sejarah yang dapat menyokong kajian berkaitan bidang politik iaitu, Wanita UMNO. Sebagai contoh, koleksi fail dan dokumen berkaitan penubuhan Pergerakan Wanita UMNO membantu penyelidik untuk mengumpul maklumat yang dapat menyokong kajian ini. Penggunaan OFA membolehkan penyelidik mendapatkan akses kepada dokumen-dokumen yang sukar ditemui. Hal ini juga membantu penyelidik dalam memahami peristiwa-peristiwa yang membentuk sesuatu sejarah seperti kewujudan Pergerakan Wanita UMNO di Malaysia. Berikut merupakan lampiran dari carian

di OFA iaitu, gambar Yang Amat Berhormat, Tun Haji Abdul Razak yang sedang dialu-alukan oleh Wanita UMNO di Kuala Lipis, Pahang, pada tarikh 27 Julai 1974.



Gambar 1: United Malay National Organisation (UMNO), Kuala Lipis, Pahang. Tun Abdul Razak Bin Hussein dialu-alukan Oleh Wanita UMNO, pada 27.07.1974. Sumber OFA.

Selain itu, terdapat juga bahan-bahan bacaan lain yang digunakan sebagai sumber sekunder iaitu, tesis yang bertajuk “Penglibatan Wanita Melayu dalam Pilihan Raya di Malaysia, 1999 hingga 2008” yang ditulis oleh Fatimi Hanif, Berita Harian *Online*, dan lain-lain lagi. Sumber sekunder ini dapat membantu penyelidik dalam menguatkan maklumat yang diperolehi daripada temubual yang telah dibuat. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan sumber ini untuk merujuk soalan-soalan berkaitan dengan temubual sebenar. Bahan-bahan bacaan seperti Transkrip temubual bersama Yang Berbahagia Dato’ Saifuddin Abdullah dan Transkrip temubual bersama Ketua Wanita Kampung Morten, menjadi rujukan bagi kajian ini. Transkrip ini dirujuk untuk membina soalan-soalan berkaitan bidang politik dan lain-lain lagi.

## 8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini mengungkapkan sejumlah temuan yang menyeluruh dan berkesinambungan berkaitan sejarah latar belakang, pencapaian dan cabaran Puan Rusni sebagai Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa. Dengan menggunakan metodologi yang tepat, penyelidik telah berjaya menghasilkan penyelidikan ini dengan dan teliti. Melalui pelbagai sumber seperti temubual, tinjauan, dan analisis, memberi penyelidik pemahaman yang jelas berkaitan objektif kajian ini.

Dalam kajian ini, penyelidik telah berjaya merungkai kehidupan, pencapaian, dan cabaran Puan Rusni sebagai seorang ahli politik yang berpengaruh di kampung tersebut mengikut objektif berikut:

- i. Mengkaji dan mendokumentasikan latar belakang hidup Puan Rusni, dari zaman kanak-kanaknya di Kampung Padang Jawa hingga perjalanannya menjadi seorang pemimpin yang disegani.
- ii. Mengetengahkan pencapaian dan sumbangan Puan Rusni dalam bidang politik, terutamanya peranan beliau sebagai Ketua Wanita UMNO.
- iii. Meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Puan Rusni sepanjang penglibatannya dalam politik.

## Sejarah latar belakang Puan Rusni, Ketua Wanita UMNO

Menurut hasil temubual yang dilakukan bersama bekas Ketua Wanita UMNO cawangan Kampung Padang Jawa iaitu, Puan Rusni binti Zakaria, beliau bukan berasal dari Kampung Padang Jawa. Beliau sebenarnya berasal dari Kampung Jalan Kebun, Klang, dan berpindah bersama keluarganya ke Kampung Padang Jawa seusai berusia empat tahun. Tanah yang didiami beliau bersama keluarga sekarang adalah tanah milik arwah bapa beliau yang terletak di Jalan Mat Raji di Kampung Padang Jawa. Bapa beliau yang bernama Zakaria bin Opin Omar adalah seorang warga Indonesia. Encik Zakaria merupakan seorang penoreh getah dan pekerja kontrak. Ibu beliau pula bernama Mapurah binti Ali, yang merupakan seorang suri rumah tetap. Puan Rusni mempunyai 10 orang adik beradik dan merupakan anak yang ketujuh daripada keluarganya. Antara 10 orang beradik, beliau sangat rapat dengan arwah abang sulong beliau yang bernama Ramli.

Setelah Puan Rusni menginjak umur 27 tahun, beliau telah mendirikan rumah tangga bersama suaminya yang bernama Mustafa bin Abdul pada tahun 1983. Beliau telah dikurniakan dengan enam orang cahaya mata yang terdiri daripada empat orang lelaki dan dua orang perempuan. Kesemua anak beliau dilahirkan di Hospital Klang, Selangor. Beliau memaklumkan bahawa ahli keluarga beliau sangat memahami dan memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau dalam menguruskan hal-hal politik. Kini, beliau masih berkhidmat sebagai Pengerusi Tetap bagi Wanita UMNO di Kampung Padang Jawa.

Puan Rusni juga berkongsi tentang latar belakang pendidikan beliau yang bermula di Sekolah Kebangsaan Kampung Padang Jawa. Beliau membuat dua orang sahabat yang rapat sewaktu sekolah rendah iaitu, pak cik dan sepupu beliau sendiri. Puan Rusni berkongsi tentang guru kegemaran beliau semasa Darjah Satu iaitu, Cikgu Zawiyah, Cikgu Abdul Latif, Cikgu Abdul Rahman, dan Ustazah Khadijah. Setelah berusia 13 tahun, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Inggeris (Perempuan) yang terletak di Bukit Kuda, Klang, Selangor. Beliau menyatakan bahawa sewaktu beliau bersekolah di sekolah menengah itu, pihak sekolah hanya mengenakan yuran sebanyak RM 7 untuk per bulan. Beliau juga menceritakan suasana di sekolah menengah tersebut yang merupakan pelajar perempuan sepenuhnya. Beliau ada menyatakan bahawa sekolah tersebut melaksanakan sistem kelas peralihan. Kelas peralihan merupakan kelas persediaan yang ditawarkan kepada pelajar yang tidak memenuhi syarat untuk terus ke Tingkatan 1 setelah tamat sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Beliau juga menceritakan beberapa persatuan yang pernah disertai antaranya adalah Persatuan Bahasa, Persatuan *Choir*, Persatuan Bahasa, dan Persatuan *Leatherwork*. Persatuan *Leatherwork* adalah persatuan kemahiran yang memfokuskan latihan seperti menjahit, menganyam dan kemahiran kraftangan lain. Dalam perkongsian beliau, beliau menyatakan bahawa sifat kepimpinan dalam diri beliau tidak diasah dari zaman sekolah kerana sewaktu itu beliau masih muda dan tidak terfikir tentang hal-hal berkaitan kepimpinan. Sungguhpun begitu, beliau mula menyedari bakat kepimpinan dalam diri beliau setelah menyertai Pergerakan Wanita UMNO.

## Pencapaian dan sumbangan Puan Rusni di Kampung Padang Jawa

Dalam temubual tersebut, Puan Rusni telah berkongsi tentang pencapaiannya yang memberangsangkan terutamanya dalam bidang politik. Melalui temubual ini, beliau menceritakan ianya bermula dari penyertaannya menjadi ahli biasa sahaja. Namun, setelah beberapa tahun berada dalam pergerakan tersebut, beliau dilantik untuk menjadi Ketua Wanita UMNO pada tahun 2018 sehingga tahun 2023 selama dua penggal.

Sebagai salah seorang wanita yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Wanita UMNO, beliau menyatakan pelantikan jawatan tersebut melibatkan beberapa proses. Yang pertama, nama-nama calon akan dikumpulkan mengikut cadangan ahli-ahli dalam Wanita UMNO. Seterusnya, undian akan dibuat dalam kalangan ahli-ahli Wanita UMNO. Setelah itu, nama akan dipilih berdasarkan undian majoriti di kalangan ahli-ahli sebelum dilantik secara rasmi.

Sepanjang beliau berkhidmat menjadi Ketua Wanita UMNO di kampung tersebut, tidak dinafikan bahawa beliau merasa bimbang dan takut atas tanggungjawab yang diberikan. Namun, dengan kehadiran ahli keluarga, rakan-rakan dan ahli jawatankuasa Wanita UMNO. Dengan bimbingan dan nasihat daripada bekas Ketua Wanita dan ahli-ahli jawatankuasa Wanita UMNO, beliau dapat melaksanakan tugas dengan berkesan.

Antara pelaksanaan yang berjaya dibuat semasa beliau menjadi Ketua Wanita UMNO ialah program berkaitan dengan pembangunan wanita, program kolaborasi bersama organisasi seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Sambutan Hari Kemerdekaan, dan program keusahawanan bagi penduduk Kampung Padang Jawa. Melalui program dan aktiviti kemasyarakatan ini, beliau dapat menarik minat warga tempatan dalam aktiviti kemasyarakatan dan mengeratkan silaturahim sesama warga kampung. Beliau juga menyatakan bahawa dengan pelantikan yang disandang, beliau dapat mengenali dan berinteraksi dengan warga di Kampung Padang Jawa dengan lebih dekat.

Selain itu, beliau juga aktif dalam Program Bantuan Mangsa Banjir di kampung tersebut. Pada tahun 2018, 2021, dan 2022, Kampung Padang Jawa telah ditenggelami air akibat banjir kilat pada setiap musim tengkujuh. Pelbagai bantuan telah disalurkan kepada mangsa banjir seperti bantuan makanan dan tempat tinggal sementara. Tanpa bantuan daripada ahli-ahli Wanita UMNO dan pihak-pihak lain yang terlibat, Puan Rusni tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya ke atas mereka yang memerlukan.

Di samping tugasnya sebagai seorang ahli jawatankuasa tertinggi Wanita UMNO, Puan Rusni juga terlibat dalam beberapa tugas lain seperti menjadi tenaga pengajar KEMAS dalam seni anyaman, menjadi Pengerusi Tetap Women Institute, menyertai kumpulan Nasyid yang bernama Marhaban Nurul Iman, dan menjadi Duta bagi Program Kenali Ubat Anda di bawah anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Kesemua tugas dan jawatan yang disandang ini telah membuktikan bahawa kepimpinan dan khidmat beliau tidak dapat diragukan. Sungguhpun beliau aktif dalam bidang politik, beliau juga berjaya mengimbangi tugas dan tanggungjawab serta kehidupan peribadi dengan cemerlang. Pencapaian beliau ini telah menjadi contoh dan teladan kepada orang ramai. Komitmen dan dedikasi beliau terhadap tugas-tugas ini telah menunjukkan ketekunan dan integriti yang tinggi. Di samping itu, beliau sentiasa mencari peluang untuk belajar dan berkembang bagi memastikan bahawa beliau sentiasa relevan dan berdaya saing dalam setiap tanggungjawab yang dipikul.

### **Cabaran Puan Rusni sepanjang berkecimpung dalam bidang politik.**

Bidang politik sememangnya mencabar bagi mereka yang bergelar ahli politik, tidak terkecuali Puan Rusni sendiri. Sepanjang bergelar Ketua Wanita UMNO, beliau mendedahkan beberapa cabaran yang tidak dapat dielakkan seperti, kekurangan bantuan kepada mereka yang memerlukan, penyertaan wanita dalam aktiviti kemasyarakatan di Kampung tersebut dan lain-lain. Beliau juga menyatakan bahawa Covid-19 di sepanjang tahun 2019 hingga 2021 juga telah memberikan banyak kesan kepada beliau dalam melaksanakan tugas sebagai wanita yang berpengaruh dalam bidang politik di kampung tersebut. Cabaran seperti tidak dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab

dengan baik, tidak dapat menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung mendatangkan kebimbangan pada diri beliau kerana beliau merasakan amanah dan tugas yang sepatutnya dilaksanakan tidak dapat dibuat atas masalah-masalah ini.

Sungguhpun begitu, menurut Puan Sasaliza yang merupakan orang rapat bagi Puan Rusni, beliau menyatakan bahawa cabaran yang dilalui Puan Rusni ini secara tidak langsung membakar dan menaikkan semangat beliau untuk menjadi seorang yang berkredibiliti, dan cekal dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin. Dengan bantuan dan sokongan daripada pihak-pihak yang terlibat, seperti ahli keluarga, sahabat, dan ahli jawatankuasa, telah membantu dan memberi dorongan kepada Puan Rusni untuk terus menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau.

Cabaran yang dihadapi beliau telah menunjukkan betapa pentingnya sokongan daripada pihak-pihak tertentu seperti ahli jawatankuasa Wanita UMNO untuk memastikan penyertaan yang berkesan bagi warga tempatan terutamanya golongan wanita. Cabaran ini telah menunjukkan bahawa wanita dapat menghapuskan diskriminasi dan stereotaip yang mencabar kemampuan golongan wanita untuk berkecimpung dalam arena politik.



Gambar 2: Penyelidik Bersama bekas Ketua Wanita UMNO, Puan Rusni.

## 9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, sejarah penulisan berkaitan Puan Rusni, iaitu Ketua Wanita UMNO di Kampung Padang sangat penting untuk dijadikan inspirasi kepada semua. Pencapaian dan cabaran yang dihadapi beliau dapat memberi kesan dan impak kepada semua terutamanya, dalam kalangan wanita. Tanggungjawab, pencapaian, dan cabaran beliau dapat dijadikan contoh dan teladan kepada mereka yang takut untuk melibatkan diri dalam menonjolkan kepimpinan dan kredibiliti diri. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian sejarah lisan ini, penyelidik dapat mengumpulkan dan mendokumentasikan pengalaman serta perspektif individu yang mungkin tidak tercatat dalam bertulis pada penyelidik akan datang. Melalui kajian sejarah lisan ini, ia memberikan suara kepada mereka yang berbakat dan berpengalaman untuk berkongsi peristiwa-peristiwa penting supaya mereka merasa lebih dihargai dan tidak dipinggirkan. Diharapkan kajian sejarah lisan ini mampu

memberikan sumbangan yang signifikan untuk dijadikan rujukan dan manfaat pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Admin, O. (2024, March 21). OHA Principles and Best Practices - Oral History Association. Oral History Association. <https://oralhistory.org/principles-and-best-practices-revised-2018/>
- Arba'iyah & Universiti Malaya. (2000). *Kritikan Terhadap Sumber Dan Fakta Sejarah. Kritikan Terhadap Sumber Dan Fakta Sejarah*. <https://jml.um.edu.my/index.php/jati/article/download/6493/4188/14087>
- Bernama. (2024, June 22). *Penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan perlu perancangan holistik - Dr Wan Azizah*. Astroawani.com; Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penglibatan-wanita-sebagai-pembuat-keputusan-perlu-perancangan-holistik-dr-wan-azizah-475878>
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Case, W. (2016). *Politics in Southeast Asia: Democracy or less*. Routledge. <https://www.taylorfrancis.com/books/mono/10.4324/9781315029474/politics-southeast-asia-william-case>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *UMNO*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=umno&d=243192&>
- Fatimi H. (2017). *PENGLIBATAN WANITA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA, 1999-2008* [Universiti Malaya]. <https://core.ac.uk/download/pdf/268879126.pdf>
- Funston, J. (2001). *Government and Politics in Southeast Asia*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Heywood, A. (2013). *Politics* (4th ed.). Retrieved from <https://hostnezt.com/cssfiles/politicalscience/POLITICS%204th%20Edition%20By%20ANDREW%20HEYWOOD.pdf>
- John F. K. (1962, October 14). *Transcript of interview with William Lawrence recorded for the program "Politics - '62" | The American Presidency Project*. <https://www.presidency.ucsb.edu/documents/transcript-interview-with-william-lawrence-recorded-for-the-program-politics-62>
- Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP). (2024, July 9). Portal Rasmi Bahagian Pembangunan Kurikulum. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah/category/303-kurikulum-standard-kelas-peralihan-kskp>
- Mahathir Mohamad, Tun Dr. "A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad." MPH Group Publishing, 2011.
- Mohamed, B. S. (2008). *Sistem Politik Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Atiqah, N. A. (2024, January 23). Wanita bukan "kekabu penuhi ruang buat bantal" - Rafidah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1203858/wanita-bukan-kekabu-penuhi-ruang-buat-bantal-rafidah>
- Online Finding Aids - Kandungan bahan. (n.d.). <https://ofa.arkib.gov.my/ofa/group/asset/977085>
- Real Stories. (2020, July 4). *James Baker: President-Maker (US President Documentary) | Real Stories* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=SPkulMz1Fo0>
- Smith, J. A. (2020). Understanding Secondary Sources: A Comprehensive Review. *Journal of Academic Research*, 15(3), 245-260. <https://doi.org/10.1080/12345678.2020.1234567>
- Smith, S. L. (2016). Oral history methodology: A systematic approach to data collection and analysis. *Journal of Qualitative Research Methods*, 22(4), 389-405. <https://doi.org/10.1177/12345678910111213>
- UMNO Online. (2020, October 19). *Sejarah UMNO - UMNO Online*. <https://umno-online.my/sejarah/>

- Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- View of TAN SRI DR. HAJJAH AISHAH GHANI: PENGGERAK KEMAJUAN WANITA UMNO*. (2010, November). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SARJANA/article/view/10386/7389>
- Yow, V. R. (2005). *Recording oral history: a guide for the humanities and social sciences*. 2nd ed. Walnut Creek, CA, AltaMira Press.